

Headline	Tuhan masih sayangkan saya		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	24 Jul 2012	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	u13	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	231 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,270
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,810



'Tuhan masih sayangkan saya'

Lelaki HIV menyesal perbuatan lalu, cuba ubah kehidupan

KULIM - Seorang lelaki berusia 37 tahun yang dikehendaki polis kerana terlibat dengan penyalahgunaan dadah menyifatkan dirinya masih di-sayangi tuhan apabila doktor mengesahkan hayatnya akan dapat bertahan sehingga 2011 sahaja setelah disahkan dijangkiti HIV.

Menurutnya, ketika usianya 14 tahun, dia sudah mula berjinak dengan dadah dan sering melanggan pelacur dan melakukan seks luar tabii bersama mak nyah ketika tinggal di Kuala Lumpur.

"Selain itu, saya turut melakukan beberapa perlakuan jenayah sehingga ditahan polis.

"Semua ini tidak dihindarkan sehinggalah saya terlantar sakit. Doktor

yang merawat mengesahkan saya dijangkiti HIV hasil dari hubungan seks bebas dilakukan," katanya.

Impian ngeri yang selama ini menghantuinya berlaku juga apabila anak ketiganya juga disahkan HIV positif. Bagai sudah jatuh ditimpa tangga, beberapa bulan kemudian, isterinya pula disahkan mengalami nasib yang sama.

Katanya, setelah mendapat rawatan susulan di hospital, akhirnya keadaan isteri dan anaknya beransur pulih.

"Doktor yang merawat saya pada 2008 menyatakan saya akan hidup sehingga 2011 kerana kebanyakan organ dan darah saya sudah dijangkiti HIV. Bagaimanapun semua itu tidak saya endahkan sehinggalah hari ini.

"Saya dapati kebanyakan baha-

gian badan saya mulai sakit dan jari saya juga sudah mula kaku dan tidak dapat bergerak seperti biasa. Saya tahu saya akan mati, bagaimanapun selagi hayat saya masih ada, saya cuba merubah kehidupan diri saya selain menjaga anak dan isteri" katanya.

Dia menasihatkan kepada penagih dadah supaya menghentikan tabiat buruk yang mereka lakukan.

Katanya, selain penyalahgunaan dadah, melakukan hubungan seks bebas juga boleh mengakibatkan seseorang itu dijangkiti HIV.

"Walaupun saya tahu saya akan mati bila-bila masa tetapi saya tetap berusaha untuk memastikan keluarga saya dalam keadaan yang baik," katanya.

“ Saya dapati kebanyakan bahagian badan saya mulai sakit dan jari saya juga sudah mula kaku dan tidak dapat bergerak seperti biasa. Saya tahu saya akan mati, bagaimanapun selagi hayat saya masih ada, saya cuba merubah kehidupan diri saya selain menjaga anak dan isteri.”

Mangsa

